

D195

R 8806 DEB
MAHATHIR - UMNO

PULAU PINANG, 13 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGULANGI HARAPANNYA AGAR SETIAP ANGGOTA UMNO MELUPAKAN PERISTIWA YANG BERLAKU SEMASA PEMILIHAN PARTI DAN KEMBALI MERAPATKAN SEMULA BARISAN PARTI.

+KEDUA-DUA PIHAK HENDAKLAH MERAPATKAN SEMULA HUBUNGAN SUPAYA PERPADUAN MASYARAKAT MELAYU TERUS TERJAMIN SEMASA PARTI MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH SEKARANG,+ KATA PRESIDEN UMNO ITU.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN UMNO PULAU PINANG DI DEWAN SRI PINANG DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA, SEKIRANYA PERSELISIHAN ITU BERTERUSAN KEMUNGKINAN UMNO AKAN HANCUR DAN TEMPATNYA DI NEGARA INI AKAN TURUT PUNAH.

+KITA MASIH ADA TEMPAT DI NEGARA INI. KITA MESTI PASTIKAN TEMPAT ITU TERUS KUKUH DALAM PEGANGAN UMNO,+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SETIAP ANGGOTA PARTI AKAN MEMPERBAHARUI TEKAD UNTUK MENUNJUKKAN DEDIKASI KEPADA PARTI. -- LAGI
2241MST 13 09 87

D196

R 8807 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA, PERKARA MENYOKONG SESEORANG PEMIMPIN DALAM UMNO SEKARANG TIDAK LAGI TIMBUL, YANG PENTING IALAH SETIAP ANGGOTA PARTI HARUS MEMASTIKAN PERPADUAN PARTI TERUS TEGUH DAN KUKUH.

KATANYA, BELIAU PERLU MENGADAKAN LAWATAN KE SETIAP NEGERI UNTUK MENERANGKAN MASALAH YANG SEDANG DIHADAPI OLEH PARTI DENGAN HARAPAN SETIAP ANGGOTA PARTI AKAN SEDAR DAN SETERUSNYA MENYISIHKAN SEGALA RINTANGAN YANG MENGHALANG PERPADUAN PARTI DAN BANGSA MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KHUATIR PERPECAHAN YANG BERTERUSAN DI KALANGAN ANGGOTA PARTI AKAN MEMBAWA KEPADA KELEMAHAN UMNO DAN SETERUSNYA MENYEBABKANNYA TERSISIH DARIPADA KUASA YANG DINIKMATI SEKARANG.

BELIAU JUGA MENGULANGI KRITIKAN KERASNYA TERHADAP 12 ANGGOTA PARTI YANG SANGGUP MENIDAKKAN SUARA MAJORITI DENGAN CUBA MENGHALANG PERJALANAN PARTI MENERUSI TINDAKAN MAHKAMAH.

+MEREKA LUPA AKAN KHIDMAT DAN JASA UMNO KEPADA BANGSA MELAYU KESELURUHANNYA DAN LUPA BAHAWA TINDAKAN MEREKA AKAN MENGHANCURKAN UMNO DAN BANGSA MELAYU SENDIRI.+ -- LAGI
2252MST 13 09 87

D199

R 8809 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH UMNO SEJAK DAHULU LAGI TELAH MEMBAWA KEBAIKAN DAN KEMAJUAN KEPADA PARTI, RAKYAT KHUSUSNYA BANGSA MELAYU DAN SETERUSNYA NEGARA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, MEMANG SUKAR UNTUK MEMBERI KEPUASAN HATI KEPADA SEMUA TETAPI PIHAK MINORITI HARUS SEDAR KEDUDUKAN MEREKA DAN TIDAK SEPATUTNYA CUBA MEMAKSA PANDANGAN MEREKA TERHADAP KUMPULAN MAJORITI.

PERDANA MENTERI BERHARAP SETIAP RAKYAT KHUSUSNYA ANGGOTA PARTI MEMAHAMI HAD KEBEBASAN YANG ADA DALAM SISTEM DEMOKRASI, DAN HENDAKLAH MEMATUHI SEGALA PERATURAN YANG WUJUD DALAM PENGAMALANNYA.

KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI, ENCIK ANWAR IBRAHIM, YANG JUGA MENTERI PENDIDIKAN, DALAM UCAPANNYA MENGIKRARKAN SOKONGAN BULAT DAN PADU TERHADAP KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN SEGALA USAHANYA UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN JITU DALAM UMNO.

KATANYA, UMNO PULAU PINANG TIDAK PERNAH MENCURIGAI ATAU MEMPERTIKAIKAN BAHAWA PERDANA MENTERI MEMBAWA OBOR KEPENTINGAN RAKYAT JELATA DAN BUKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI. -- LAGI
2303MST 13 09 87

0200

R B810 DEB
MAHATHIR - UMNO 4 PULAU PINANG

ENCIK ANWAR MENGAJAK SETIAP ANGGOTA PARTI MENOLAK DAN MENANGKIS SEGALA CEMUHAN DAN PANDANGAN NEGATIF YANG CUBA DIBAWA OLEH KUMPULAN MINORITI DENGAN MENIDAKKAN SUARA MAJORITI.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS MALAM INI IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, MENTERI BESAR PERLIS, DR HAMID PAWANTEH, KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU DAN NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI.

DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN TERTUTUP DENGAN PARA PEMIMPIN UMNO ESOK SEBELUM MELAWAT SUNGAI PINANG DAN SEBERANG JAYA.

BELIAU AKAN MENGADAKAN PERSIDANGAN AKHBAR PADA HARI SELASA SEBELUM PULANG KE KUALA LUMPUR. -- BERNAMA
2305MST 13 09 87